



**SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**MENGAKTIFKAN SEMULA
TABUNG RELIEF FUND UNTUK TUJUAN SUMBANGAN**

Tarikh: 11hb. Ogos 2021

Sebagaimana jua saranan yang telah dibangkitkan semasa sesi Sidang Media pada hari Selasa, 10 Ogos 2021 mengenai dengan *COVID-19 Relief Fund*, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telahpun mengurniakan titah perkenan bagi Kerajaan untuk mengaktifkan semula Tabung *COVID-19 Relief Fund* berkenaan bagi membolehkan orang ramai yang berkeinginan untuk membuat sumbangan secara sukarela bagi membantu pihak Kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan membeli peralatan dan barangan keperluan dalam membendung penularan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

2. Syarikat-syarikat dan orang ramai bolehlah membuat sumbangan melalui pemindahan terus secara *online* ke dalam akaun dengan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) seperti berikut bermula pada hari Khamis, 12hb Ogos 2021.

Nama Akaun:	COVID-19 Relief Fund;
Jenis Akaun:	Current Account;
Nombor Akaun:	1010070123

3. Bagi memastikan sumbangan tersebut digunakan selaras dengan penubuhannya, Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Perbendaharaan akan mengawal dan mengeluarkan dana tersebut setelah

mendapat kebenaran dari saya selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan YB Menteri Kesihatan.

Sekian terima kasih.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam